

Ainum mampu beri khidmat cemerlang: Rais

32

RM 20 DEC 2009

KUALA LUMPUR, Selasa
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim yakin Peguam Negara yang baru Datuk Ainum Mohamed Saaid mampu menjalankan tanggungjawabnya dengan cemerlang.

Rais berkata, Ainum adalah seorang yang berpengalaman dalam bidang guaman dan yang berkaitan undang-undang kewangan.

"Saya berharap dengan pelantikan itu, hubungan antara Jabatan Peguam Negara dengan pentadbiran kerajaan Pusat akan menghasilkan pekeliling undang-undang dan ketenteraman dengan baik dan sempurna di samping menguatkuasakan undang-undang seperti yang dituntut oleh perundangan negara," katanya kepada pemberita di ruang legar Dewan Negara, hari ini.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat pelantikan berkenaan mengikut Perkara 145 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Ainum, 54, akan menggantikan Tan Sri Mohtar Abdullah, yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Disember ini.

"Saya yakin Ainum akan dibantu oleh pegawai undang-undang yang berpengalaman dan profesional dan perpindahan ke Jabatan Peguam Negara akan memberikan keadaan yang selesa kepada beliau untuk menjalankan tugas," katanya.

Mengenai sama ada pelantikan itu akan membawa perubahan kepada sistem pentadbiran undang-undang negara ini, Rais berkata:

"Saya menjangkakan akan ada perubahan tahun depan dan seterusnya."

Katanya, pelantikan Ketua Hakim yang baru dan kini Peguam Negara, dengan kedua-duanya mempunyai hubungan dengan kerajaan dan pengalaman, membuktikan mereka sebenarnya menjunjung kedaulatan undang-undang.